

Perketat sempadan kekang dadah

Polis Kelantan jalin hubungan dengan agensi keselamatan

Oleh Syaherah Mustafa
bhnews@bh.com.my

Rantau Panjang: Polis Kelantan memperketatkan kawalan di sempadan Malaysia-Thailand bagi mengekang kemasukan bekalan dadah ke negara ini.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan, Asisten Komisioner Mit Emong, berkata pelbagai pendekatan dilakukan termasuk mengadakan operasi di kawasan berkenaan.

“Pihak kami memandang serius isu penyeludupan dadah yang banyak merosakkan mas-

yarakat khususnya anak muda pada hari ini.

“Bagi memastikan kawalan di sempadan terus berada dalam keadaan terbaik, pihak kami juga menjalinkan hubungan baik dengan agensi keselamatan lain yang bertugas di sepanjang sempadan.

“Kita akan sentiasa berusaha dan sedaya upaya memastikan tiada bekalan dadah yang bolos ke negeri ini,” katanya.

Kita akan sentiasa berusaha dan sedaya upaya memastikan tiada bekalan dadah bolos ke negeri ini.

Mit Emong,
Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik IPK Kelantan

Beliau berkata demikian selepas hadir operasi banteras dadah peringkat Kelantan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang dekat di sini, semalam.

Operasi terbabit dilakukan JSJN IPK Kelantan bagi mengatasi masalah penyeludupan dan pengedaran dadah terutama dari negara jiran.

Mit berkata, pihaknya turut mengalu-alukan kerjasama masyarakat setempat untuk menyalurkan maklumat bagi sama-sama membanteras pengedaran dadah dengan lebih berkesan.

“Saya mengucapkan terima kasih kepada masyarakat yang banyak membantu polis dalam memberi maklumat berkaitan dadah di tempat mereka.

“Peningkatan rampasan dadah oleh pihak kami juga menunjukkan satu pencapaian baik dan pihak kami akan terus berusaha untuk membanteras musuh nombor satu negara ini,” katanya.



Mit melawat operasi banteras dadah peringkat Kelantan di ICQS Rantau Panjang, semalam.
(Foto Syaherah Mustafa/BH)